

PENJANAAN EKONOMI ORANG ASLI DI NEGERI JOHOR: KAJIAN KES DI KAMPUNG SUNGAI MERING

Ahmad Nawawi Yaakob¹, Nurulzulaiha Suhadak^{*2}, Rohani Jangga³, Alizah Ali⁴, Muhammad Sobri Faisal⁵

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia

²Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA,
Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia

³Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA,
Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia

⁴Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA,
Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia

⁵Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding Email: nurulzulaiha@uitm.edu.my

Received: 10th July 2023

Accepted: 3rd September 2023

ABSTRAK

Penjanaan ekonomi di kalangan Orang Asli menjadi isu utama menentukan keupayaan mereka keluar daripada tahap kemiskinan, iaitu kalangan B40. Kekuatan dan kebolehpayaan komuniti Orang Asli berbeza mengikut lokasi penempatan dan daya usaha yang mereka lakukan. Bagi Orang Asli Temuan yang menetap di Kampung Sungai Mering, Tangkak, kebolehpayaan mereka menjana ekonomi yang lebih baik adalah suatu yang luar biasa dan boleh dijadikan contoh kepada penempatan Orang Asli lain. Kajian ini bertujuan mengenalpasti kemudahan infrastruktur di lokasi kajian, keupayaan ekonomi dalam mewujudkan daya saing, dan daya keusahawanan kalangan penduduk setempat. Berbantuan kajian kualitatif temubual dengan Tok Batin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung dan beberapa individu berpengaruh, dan dengan pemerhatian langsung penyelidik, perkampungan Orang Asli Kampung Sungai Mering boleh dijadikan model pembangunan ekonomi kepada komuniti lain. Dengan 36 buah rumah yang didiami seramai 262 penduduk yang dibuka sejak 1996, ternyata ia sebuah perkampungan yang lengkap dan kelihatan sempurna. Perwajahan kampung ini ternyata berbeza yang setanding dengan perkampungan Melayu lain. Sikap berani mencari ruang, mahu berusaha dan terbuka kepada persaingan antara kekuatan yang mereka miliki yang akhirnya mereka berupaya berdikari dan mencapai kestabilan ekonomi sendiri. Perubahan sikap dan dorongan kehendak yang kuat selain kerjasama utuh dalam kalangan komuniti terpencil, berjaya merubah bentuk kediaman daripada rumah-rumah buluh beratapkan bertam kepada rumah batu dan berkenderaan sendiri. Ia adalah satu model yang seharusnya diungkap dalam usaha memajukan komuniti Orang Asli secara menyeluruh sesuai dengan konsep Malaysia Madani.

Kata kunci: Ekonomi, Infrastruktur, Orang Asli, Temuan, Strategi keusahawanan

1.0 PENGENALAN

Pecahan komuniti Orang Asli yang terdiri daripada Negrito, Senoi dan Melayu Proto bertebaran luas di seluruh Semenanjung Malaysia. Jadual 1 menunjukkan suku kaum utama dan pecahan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Jadual 1: Suku kaum Orang Asli Semenanjung Malaysia

Negrito	Senoi	Melayu Proto
Kensiu	Temiar	Temuan
Kintag	Semai	Jakun
Jahai	Jah Hut	Semelai
Mendriq	Che Wong	Orang Kuala
Bateg	Semog Beri	Orang Seletar
Lanoh	Mah Beri	Orang Kanaq

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Populasi Orang Asli kian meningkat setiap tahun. Laporan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2016 menyebut pada Januari 2002 Orang Asli di Malaysia mencecah 150,000 orang. Ia mewakili 0.5% daripada jumlah penduduk Malaysia (Ali et al., 2022). Tiga kelompok utama Orang Asli dikenalpasti iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto yang masing-masing mempunyai bahasa, kepercayaan, gaya hidup dan susun lapis sosial yang berbeza (Benjamin, 2004; Khor & Mohd Shariff, 2008; Law et al., 2018). Golongan Melayu Proto mempunyai rupa paras serupa dengan orang Melayu, mewarisi budaya dan amalan Melayu walaupun berasal dari pelbagai daerah. Mereka tinggal di sepanjang Selat Melaka dan di selatan Johor dan terdiri daripada beberapa etnik iaitu Temuan, Jakun, Semelai, Orang Kuala, Orang Seletar, Orang Kanaq dan Orang Laut (Ramli, 2005).

Menurut Masron et al. (2013), etnik yang dikenalpasti menetap di Negeri Johor ialah Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala, Orang Seletar dan Orang Laut. Komuniti Temuan pula boleh ditemui di beberapa perkampungan kecil di sekitar Gunung Ledang, Johor. Suku Temuan tergolong dalam etnik Melayu Proto yang tinggal di Selangor, Melaka, Pahang, Daerah Muar, Johor dan Negeri Sembilan. Komuniti Temuan di Negeri Sembilan kebiasaannya mengamalkan Adat Papatih sebagai cara hidup mereka (Masron et al, 2013; temu bual Cikgu Lila, 21 September 2022).

Perkampungan tersusun yang telah dilaksana sejak 1990-an memberi kesan besar kepada kemudahan infrastruktur dan status sosial Orang Asli. Gagasan penglibatan dan pembuat dasar oleh mereka yang berkepentingan dengan Orang Asli berjaya membangunkan kawasan penempatan, khasnya kawasan Taman Negara yang dilindungi sepenuhnya (Borrini-Feyerabend et al., 2012; Bakar et al., 2022).

2.0 ISU KAJIAN

Kemiskinan menjadi isu utama dikalangan Orang Asli. Mereka dikenalpasti adalah kelompok termiskin dalam negara pada 50.9% dengan kadar kemiskinan tegar pada 15.4% berbanding dengan data kebangsaan berada pada 7.5% dan 1.4% miskin tegar negara berdasarkan laporan Unit Perancang Ekonomi tahun 2007. Menurut catatan The Star (1997), 80% Orang Asli berada dibawah paras kemiskinan jika dibandingkan dengan populasi kebangsaan pada 8.5% dan separuh daripada mereka berada dibawah paras miskin tegar berbanding 2.5% data kebangsaan (Masron et al., 2013).

Menurut Manaf dan Ibrahim (2017), Orang Asli mencatatkan jumlah kemiskinan dan kemiskinan tegar tertinggi di Malaysia iaitu masing-masing sebanyak 81.45% dan 48.85% pada tahun 2000. Tetapi nilai ini telah menurun pada tahun 2005 dimana jumlah kemiskinan

dikalangan Orang Asli berkurangan kepada 50.9% dan kemiskinan tegar berkurangan kepada 15.4%. Berdasarkan kajian Islam et al. (2017) pula, ia menunjukkan bilangan penduduk miskin adalah tinggi kerana lebih 90% kemiskinan di Malaysia daripada masyarakat Orang Asli.

Kemiskinan masih menjadi isu utama biarpun dana dan peruntukan daripada kerajaan melimpah ruah pada saban tahun. Bilakah kemelut ini akan berakhir, adakah tiada jalan keluar bagi menangani kemiskinan tegar di kalangan Orang Asli? Namun suatu yang luar biasa apabila penyelidik bertemu komuniti Temuan di Kampung Sungai Mering pada keupayaan mereka menjana ekonomi dan mewujudkan peluang kerjaya yang lebih baik kepada penduduk setempat. Isu ini menjadi fokus kajian ke atas komuniti Temuan di Kampung Sungai Mering yang seharusnya boleh dijadikan contoh kepada model pembangunan perkampungan Orang Asli di Negeri Johor.

2.1 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti kondisi infrastruktur dan fizikal perkampungan Sungai Mering sebagai asas utama kebolehpayaan berdikari.
2. Mengenalpasti keupayaan ekonomi di Kampung Sungai Mering dari sudut keperluan asas, daya saing dan peluang semasa.
3. Mengenalpasti strategi keusahawanan sebagai agenda utama penjanaan ekonomi bagi penduduk setempat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian adalah berbentuk kualitatif yang dijalankan hasil daripada pemerhatian, penyertaan bersama dan temu bual dengan tokoh-tokoh setempat. Kajian kualitatif menggunakan berbagai pendekatan seperti pendekatan rasional, ethnografi, penilaian dalam perbincangan, kajian rintis, soalan berbentuk *open-ended*, penglibatan bersama, psikoanalisis, teori-teori yang telah dibangunkan, profil responden, justifikasi penyelidik, kumpulan sasaran (*focus group*) dan lain-lain bentuk kajian (Cibangu, 2012).

Dalam kajian seperti ini, pendekatan yang lebih jelas ialah bagi menjawab 'bagaimana' dan 'kenapa' kepada persoalan yang setara, kepada sesuatu program atau pencapaian yang spesifik dalam satu situasi. Ia juga melibatkan bagaimana kesedaran itu muncul dan berkembang, penerimaan sosialisasi yang diamalkan dalam kehidupan, malah pada kenapa mereka hidup seperti itu, dalam keadaan yang sebegitu (Polkinghorne, 2005). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah penyertaan bersama, pemerhatian dan temu bual bersama tokoh-tokoh setempat dan mereka yang berkepentingan dengan komuniti Orang Asli Temuan.

Untuk kajian ini, penyelidik menemubual Aslin Bin Ulai (Tok Batin Kampung Sungai Mering), Aziz Bin Sulai (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Sungai Mering), Agus Bin Ulai (Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Sungai Mering), Mery Pau Me Li (isteri Tok Batin), Cikgu Jamaludin Bin Kasim (Guru Besar Sekolah Kebangsaan Asahan), Cikgu Lila (Guru Tabika KEMAS Sungai Mering) dan Tuan Haji Faizal Bin Long (Pengarah JAKOA Negeri Johor). Beberapa siri lawatan dilakukan penyelidik dari 18 Mac 2022 hingga September 2022 di samping beberapa pertemuan tidak rasmi di Buloh Kasap.

3.1 Orang Asli Temuan di Tangkak

Pada ketinggian 4,186 kaki (1,276 meter) Gunung Ledang menjadi tarikan tersendiri untuk diterokai. Taman Negara Ledang yang diurusadbir oleh Perbadanan Taman Negara

Johor (PTNJ) merupakan agensi kerajaan yang berautoriti sepenuhnya ke atas pembangunan Taman Negara dan kawalan kawasan sekitarnya. Di sekitar kawasan Taman Negara dihuni oleh komuniti Orang Asli Temuan dan beberapa perkampungan Melayu tradisi. Orang Asli Temuan menetap di Kampung Air Tawas, Kampung Tanah Gembuh dan Kampung Sungai Mering, seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Nama kampung, jumlah rumah, jumlah keluarga, jumlah isi rumah dan Tok Batin Orang Asli Temuan di Tangkak

Nama Kampung	Jumlah Rumah	Jumlah Keluarga	Jumlah Isi Rumah	Tok Batin
Air Tawas	27	35	104	Menggek Anak Acai
Tanah Gembuh	75	85	420 (Blok A, B, C)	Mohd Jengking Bin Jani
Sungai Mering	36	56	262	Aslin Bin Ulai

Sumber: Temu bual Tok Batin

Pekerjaan tradisi Orang Asli Temuan bergantung pada sumber alam seperti mencari rotan, akar kayu, damar, haiwan hutan, buah-buahan hutan dan dusun buah-buahan. Tetapi kini telah berkembang sesuai dengan perkembangan semasa yang kebanyakan mereka menjadi pekerja ladang sawit dan getah, pekerja kilang dan sebahagian kecil di sektor awam. Namun tidak dinafikan di kalangan Orang Asli Temuan ada yang berjaya dalam sektor pertanian dan berada pada tahap berpendapatan tinggi.

3.2 Pembangunan Infrastruktur Sungai Mering

Kampung Sungai Mering dalam daerah Tangkak dihubungkan dari Asahan melalui Laman Tiga Budaya sebagai mercu tanda kepada persempadanan tiga negeri; Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Ia dilengkapi jalan raya bertar, bekalan air bersih (dari empangan air gunung), elektrik, balai raya, tadika dan kedai runcit. Sekolah Kebangsaan Asahan adalah sekolah terdekat dalam jangkauan 8 kilometer, manakala sekolah menengah di Pekan Bekoh. Sebuah replika rumah tradisi kaum Orang Asli Temuan berkonsepkan buluh dan atap bertam dibina di Sekolah Kebangsaan Asahan. Orang Asli Temuan menggunakan buluh dan bertam, berbeza dengan orang Asli Jakun yang menggunakan atap daun pencerang, lantai dan dinding daripada kulit pokok kepong (kulit kayu) untuk membina rumah.

Kampung Sungai Mering didiami 262 penduduk Orang Asli Temuan dengan 36 buah rumah, bersempadanan dengan kawasan Taman Negara Ledang yang diurusadbir oleh Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ). Perkampungan ini dibuka pada tahun 1996 atas inisiatif kerajaan bagi mewujudkan penempatan setempat Orang Asli di sekitar Gunung Ledang. Pada peringkat awal, mereka mendirikan rumah-rumah buluh beratapkan bertam di lereng bukit berdekatan kawasan hutan tempat mereka mencari makan. Penempatan yang terpisah dan saling berjauhan menyukarkan pembangunan disalurkan kepada penduduk. Oleh itu, penempatan setempat seperti ini diwujudkan bagi memudahkan rancangan pembangunan sosioekonomi dibuat kerajaan.

Kemudahan infrastruktur tersedia di sini membantu penduduk untuk menjana pendapatan di samping memudahkan urusan perhubungan dengan komuniti luar. Prasarana utama yang diusahakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) melebar luas ke penempatan orang asli di seluruh negara. Ia menjadi titik tolak utama kepada pembangunan dan perubahan sosio-ekonomi komuniti Orang Asli.



Rajah 1 Projek ibu sawat elektrik dan pencawang telekomunikasi di Kampung Sungai Mering



Rajah 2 Balai Raya, jalan raya dan Tabika KEMAS Kampung Sungai Mering

3.3 Keupayaan Ekonomi Orang Asli Kampung Sungai Mering

Keupayaan ekonomi tidak hanya bergantung kepada kemudahan dan alatan, namun kebijakan dan sikap komuniti itu menjadi teras utama. Menurut Sabran (2003), empat tujahan teras pembangunan masyarakat melibatkan pembangunan komuniti, andaian dan sikap, nilai kepercayaan dan amalan baik setempat. Ia memerlukan rangka kerja yang jelas untuk membolehkan komuniti bertindak bagi mendapat dan saling menyokong antara satu sama lain, berkongsi visi dan bertanggungjawab untuk kebaikan dan kemajuan bersama (Samah & Aref, 2009). Usaha pembangunan masyarakat boleh dikategorikan berdasarkan beberapa faktor iaitu membimbing kerja, faedah yang dihasilkan, dan penglibatan pihak berkepentingan (Matarrita-Cascante & Brennan, 2012). Pembangunan masyarakat adalah usaha gigih daripada semua pihak, terutamanya yang terlibat dalam meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Unsur-unsur kerjasama dan penggunaan semua sumber yang ada adalah penting untuk kejayaan meningkatkan kualiti hidup orang yang terlibat (Abas et al., 2020).

Kebanyakan penduduk di sini berada pada tahap sederhana dan berada. Dilihat pada reka bentuk rumah dan kenderaan yang dimiliki, menunjukkan mereka telah berupaya berdikari, rajin dan mampu merebut peluang dalam kegiatan ekonomi seharian. Tok Batin sendiri memiliki jentera pembajak, kenderaan pacuan empat roda dan kenderaan lain. Encik Aziz Bin Ulai selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung, memiliki sebuah kenderaan pelbagai guna, dua buah kereta dan tiga buah motosikal.

Dari sudut rumah kediaman, rumah-rumah batu beratapkan genting dan asbestos dengan keluasan yang sederhana membuktikan keupayaan penduduk dalam ekonominya. Di sekeliling rumah mereka dipenuhi dengan pokok durian dan kelapa sawit yang menjadi sumber pendapatan. Ianya memperlihatkan keupayaan diri memajukan ekonomi keluarga.

Rumah kediaman penduduk kebanyakannya adalah rumah batu yang dibina sendiri dikit berdikit. Kepakaran dalaman dipergunakan sebaiknya kerana ada di kalangan mereka yang

biasa dengan kerja pertukangan dan pembinaan. Bagi yang bekerja dengan kerajaan atau swasta, mereka menggunakan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membina rumah baharu. *“Selalu orang sini buat rumah sendiri. Kalau upah pun upah orang dalam. Kira dapat balik, orang kampung dapat balik”* (temu bual Agus Bin Ulai, 21 September 2022).

Landskap persekitaran Kampung Sungai Mering begitu indah lagi menarik dengan hiasan jajaran pokok bara api, pinang dan hiasan bunga plastik serta batu sungai yang disusun dengan sangat kreatif. Mereka hanya menggunakan barang terpakai untuk tidak melibatkan kos yang tinggi dan ianya hasil kerjasama gotong-royong penduduk kampung.

Pemerhatian fizikal kehebatan wajah Kampung Sungai Mering sememangnya memukau. Berlatar belakang Gunung Ledang, perkampungan tersusun di atas bukit ini, indah permai dengan rumah kediamannya bersih dan tersusun dan keupayaan berdikari penghuninya terzhahir dengan kelengkapan yang ada.



Rajah 3 Kondisi rumah penduduk dan landskap perhiasan Kampung Sungai Mering



Rajah 4 Fasilitas dan kenderaan penduduk Kampung Sungai Mering

Dari sudut daya saing, penduduk Kampung Sungai Mering tiada lagi yang bergantung hidup dengan sumber hutan secara tradisi seperti mencari rotan, akar kayu, damar dan gaharu. Hanya pada musim petai, mereka kembali ke hutan untuk memetik hasil. Mereka juga memajak tanah sawit dan durian untuk tanaman pisang, yang kebiasaannya bagi tempoh tiga tahun pertama. Keluasan tanah bergantung kepada pemilik, ada yang lima ekar dan ada yang melebihi sepuluh ekar. Usaha ini dilakukan sehingga sampai ke Buloh Kasap, Segamat. Malah ada masanya mereka tidak perlu memajak, hanya membersihkan sawit dan durian dengan tanaman pisang. Daya usaha seperti ini berupaya menghasilkan pendapatan yang agak tinggi.

Komuniti ini juga bijak merebut peluang semasa. Mereka yang berhijrah ke luar kampung berupaya berdikari dan menempatkan ekonomi pada tahap yang membanggakan. Adik bongsu Encik Aziz Bin Ulai (temu bual 21 September 2022) yang bekerja dengan syarikat

penapis air Cuckoo berupaya membeli rumah di Johor Bahru pada harga RM450,000. Lebih membanggakan apabila Sekolah Kebangsaan Asahan menjalankan aktiviti sukan, piala pusingannya daripada Tok Batin Aslin, dan sebahagian besar tajaan dibiayai oleh Tok Batin Aslin, Encik Aziz dan Encik Agus. Menurut Guru Besar Sekolah Kebangsaan Asahan, Encik Jamaludin Bin Kasim (temu bual 26 September 2022) Kampung Sungai Mering banyak membiayai aktiviti sekolah walaupun murid Orang Asli hanya 23 orang sahaja. *“Hendak mengajar Orang Asli tidak susah. Sama sahaja dengan murid Melayu, ada yang pandai dan ada yang perlu diberi perhatian berat”*.

Bidang pendidikan terus diberi perhatian berat. Encik Agus Bin Ulai selaku Naib Yang Dipertua PIBG menyatakan empat orang anak-anak mereka yang tamat sekolah rendah pada tahun lalu, hanya seorang yang tidak menyambung ke sekolah menengah. Keciciran persekolahan menjadi isu utama di kalangan Orang Asli, namun ia terkawal dan boleh ditangani di perkampungan Sungai Mering.

3.4 Strategi Keusahawanan

Menceburi bidang pertanian memerlukan pendekatan tertentu bagi mendapat pulangan yang lumayan. Tok Batin Aslin Bin Ulai mengusahakan ladang sawit dan dusun durian. *“Sebulan keluar sawit 20 tan, dia tak panggil orang luar pun. Dia bagi budak-budak kampung kerja”* (temu bual Aziz Bin Ulai, 26 September 2022). Malah Tok Batin membuka pusat rawatan tradisional yang beroperasi tiga hari seminggu; Jumaat, Sabtu dan Ahad. Bayaran rawatan juga telah ditetapkan untuk kemudahan pengunjung. Khidmat perbomohan kendalian Tok Batin bukan sahaja untuk Orang Asli, malah pelbagai bangsa dan agama dari Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan daerah berdekatan. Ia menghasilkan pulangan yang memberangsangkan kepada usaha daya Tok Batin.

Bimbingan keusahawanan banyak diajarkan oleh Encik Aziz Bin Ulai. Kebanyakan remaja di sini suka berkerja di kebun durian orang Cina. Peluang memperolehi pendapatan lumayan terbuka luas. Contohnya upah mengikat tali pada buah durian antara RM60 hingga RM80 sepokok. Jika 200 pokok bererti pendapatan mereka mencecah RM12,000. Encik Aziz tidak menggalakkan mereka berkerja dengan dibayar gaji bulanan atau harian. Ia lebih rendah berbanding dengan kaedah ‘kontrak’ berkerja di ladang durian dengan mengenalpasti keluasan sebelum *mark-up* upah untuk tempoh satu musim durian. *Mark-up* bayaran bergantung kepada keluasan dan bilangan pokok durian. Kontrak RM3,000 hingga RM5,000 semusim adalah perkara biasa dan ia memberi pendapatan lebih lumayan kepada penduduk Kampung Sungai Mering berbanding gaji bulanan atau harian berjumlah RM1,500 sahaja.

Kebijaksanaan merebut peluang ekonomi menjadi kekuatan penduduk setempat. Mereka mengambil kontrak memetik buah manggis, dokong dan mangga di perkampungan Melayu di Muar dan Tangkak. Upah memetik ditetapkan pada harga satu ringgit untuk setiap kilogram, dan kebiasaannya sehari mereka memperolehi RM100 hingga RM150 seorang atas kemahiran yang dimiliki. Hasil tuaian terus dijual kepada penjual buah yang dikenalpasti sejak awal.

Durian mendatangkan pulangan yang lumayan. Baka durian yang baik menjadi pilihan pekebun di Kampung Sungai Mering. *“Kita nak kejar durian yang baik-baik (jenis baik, jenis mahal). Setahun ada yang pernah dapat RM70,000 hingga RM80,000 semusim. Macam tahun lepas saya dapat RM20,000”* (temu bual Aziz Bin Ulai, 18 Mac 2022 dan 26 September 2022). Menceburi bidang pertanian memerlukan kemahiran dan pengetahuan dalam selok belok perniagaan; permintaan dan tawaran. Perkara ini dikuasai dikalangan Orang Asli Kampung Sungai Mering.

Penduduk Kampung Sungai Mering kebanyakannya rajin berkerja. *“Kita semua pagi-pagi memang tak ada kat rumah, semua pergi kebun. Kalau macam ini (waktu pagi) memang tak*

ada di rumah, janganlah cari. Suami isteri pergi kebun, ada yang tanam serai, ada yang merumput” (temu bual Mery Pau Me Li, 21 September 2022). Malah anak-anak muda juga berlumba-lumba mencari pekerjaan bagi menampung kehendak peribadi seperti motosikal dan telefon pintar. “Budak-budak muda, malas tu tak adalah. Dia semua kerja. Yang sekolah, sekolahlah. Yang bujang-bujang ni dia pergi kebun Cina ada yang meracun, jaga durian. Dia orang dah bawa motor besar, dia kena bayar, dia kena kerja” (temu bual Mery Pau Me Li, 21 September 2022).



Rajah 5 Aktiviti keusahawanan di Kampung Sungai Mering seperti senarai rawatan tradisional oleh Tok Batin dan kedai runcit

4.0 RUMUSAN KAJIAN

Kekuatan Kampung Sungai Mering terletak kepada kepimpinan Tok Batin Aslin Bin Ulai dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung, Encik Aziz Bin Ulai. Selain itu, kerjasama penduduk yang utuh, strategi keusahawanan dalam pertanian, pendidikan yang tersusun, dan daya keusahawanan yang tinggi (rajin). Ianya lahir daripada keterbukaan pemimpin dan komunitinya untuk berubah dan menjadi lebih baik. Kampung Sungai Mering berupaya keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu berdikari. Hasil kelapa sawit, durian dan getah menjadi sumber utama ekonomi setempat.

Pemilikan ladang getah seluas empat hingga lima ekar adalah normal, malah lebih luas daripada jangkaan penyelidik. Tok Batin Aslin, Encik Aziz dan Encik Agus memiliki kemampuan dan bijak merebut peluang dalam industri pertanian. Tidak semua Orang Asli miskin, bahkan ada yang lebih kaya daripada orang Melayu seperti mana Tok Batin Ah Soi di Kampung Kudong, Bekok (temubual 25 September 2022) memiliki 200 ekar ladang sawit yang diusahakan.

Dapatan ini menunjukkan Kampung Sungai Mering bukanlah sebuah kampung biasa Orang Asli Temuan, tetapi ia hebat dengan keutuhan dan kemampuan menguasai ekonomi setempat dan berupaya menjadi contoh kepada perkampungan lain. Penglibatan komuniti Orang Asli Temuan dalam perladangan di persekitaran Taman Negara Ledang boleh dibanggakan dengan harapan pertanggungjawaban menjaga kelestarian Taman Negara kekal terpelihara (Yaakob A.N. et al., 2021).

5.0 KAJIAN LANJUTAN

Keupayaan ekonomi komuniti Temuan di Kampung Sungai Mering seharusnya menjadi contoh kepada Orang Asli lain di negeri Johor. Sehubungan itu, kajian lanjutan berkaitan pengupayaan ekonomi orang Asli Temuan di Kampung Tanah Gembuh atau Kampung Air Tawas boleh dijalankan bagi mengenalpasti situasi yang sama. Ia bagi mengukur julat perbezaan dan permasalahan dalaman (sosial-komuniti) yang membezakan antara Kampung Sungai Mering dan perkampungan yang lain.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis 1 menjalankan kajian di lokasi dan menetapkan objektif kajian secara jelas. Penulis 2 menyediakan bahan literatur, Penulis 3 membina metodologi kajian, Penulis 4 dan Penulis 5 membuat analisa dan kesimpulan kajian.

RUJUKAN

- Abas, M.A., Mohd Amin, M.F., Wei, L.S. & Hassin, H. (2020). Community development model for poverty eradication of indigenous people in Malaysia. *International Journal of Society Systems Science*, 12(2), 151-164. <https://doi.org/10.1504/IJSSS.2020.10030430>.
- Ali, A., Yaakob, A.N., & Jangga, R. (2022). Role of Tok Biah in the customs and beliefs of Orang Asli Jakun, Bekok, Segamat, Johor. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9), 166 – 182.
- Bakar, A.N., Ali, A., Jangga, R., Yaakob, A.N., Salleh, R.M. & Shukor, M.F.A. (2022, April). Community participation in Gunung Ledang protected area: Supporting the sustainable development goal (SDG). *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 1019(1) p. 012010. IOP Publishing.
- Benjamin, G. (2004). Orang Asli. *Southeast Asia: A historical encyclopedia from Angkor Wat to East Timor*, 2(4), 997–1000.
http://nanyang.academia.edu/GeoffreyBenjamin/Papers/1196302/Orang_Asl
- Borrini-Feyerabend, G., Johnston, J. & Pansky, D. (2012). Governance of protected areas. In *Managing protected areas* (pp. 146-175). Routledge.
- Cibangu, K.S. (2012). Qualitative research: The toolkit of theories in the social sciences. *Theoretical and methodological approaches to social sciences and knowledge management*, 5(1), 95-126.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. *Data asas suku pertama 2018*. http://www.jakoa.gov.my/wp-content/uploads/2019/12/pelan-strategik_JAKOA.pdf.
- Islam, R., Ghani, A.B.A., Abidin, I.Z. & Rayaiappan, J.M. (2017). Impact on poverty and income inequality in Malaysia's economic growth. *Problems and Perspectives in Management*, 15(1), 55–62.
- Khor, G.L. & Mohd Shariff, Z. (2008). The ecology of health and nutrition of “Orang Asli” (Indigenous People) women and children in Peninsular Malaysia. *Tribes and Tribals*, 2, 66–77.
- Law, L.S., Sulaiman, N., Gan, W.Y., Adznam, S.N & Mohd Taib, M.N. (2018). The identification of the factors related to household food insecurity among indigeneous people (Orang Asli) in peninsular Malaysia under traditional food systems. *Nutrients*, 10(10), 1455.
- Manaf, N.A. & Ibrahim, K. (2017). Poverty reduction for sustainable development: Malaysia's evidence-based solutions. *Global Journal of Social Sciences Studies*, 3(1), 29–42.
- Masron, T., Masami, F. & Ismail, N. (2013). Orang Asli in Peninsular Malaysia : Population, spatial distribution and socio-economic condition. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 6, 75–115.
- Matarrita-Cascante, D. & Brennan, M.A. (2012). Conceptualizing community development in the twenty-first century. *Community Development*, 43(3), 293–305.
- Polkinghorne, D. E. (2005). Language and meaning: Data collection in qualitative research. *Journal of Counseling Psychology*, 52(2), 137.
- Ramli, A.H. (2005). *Tamadun Asia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Saad, M.N. (2022). Small and medium enterprises internationalization and performance in emerging economies: New empirical perspectives. *Insight Journal*, 9(1), 17–30.
- Sabran, M.S. (2003). Model pembangunan komuniti. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 11(2), 135–145.
- Samah, A.A. & Aref, F. (2009). Community development programmes in Malaysia. *Nature and Science*, 7(12), 86–89.

- Setyawati, N., Giningroem, D. & Rohaeni, H. (2023). Discipline, motivation and job satisfaction on employee performance at PT XX. *Insight Journal*, 10(1), 59–73.
- The Star. (1997, February 19). Orang Asli Likely to Get Land Titles. *The Star*.
- Yaakob, A. N., Bakar, A. N., Jangga, R., Ali, A., Mohd Salleh, R., & Abdul Shukor, M. F. (2021). Keterlibatan orang Asli Temuan dalam aktiviti pendakian di Taman Negara Ledang (TNL): Halangan dan cabaran. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 1019(1), p. 012010. IOP Publishing.